

24/07/1998

Gembleng usaha capai pemulihan

ENAM teras yang terkandung dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara (PPEN) memberi nafas baru untuk mengembalikan keyakinan pasaran dan seterusnya merintis jalan ke arah pemulihan ekonomi yang lebih tersusun. PPEN yang diumumkan oleh Menteri Tugas-Tugas Khas dan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Tun Daim Zainuddin, semalam bukanlah tindakan ad hoc sebagaimana gerakan menangani sesuatu isu sebelum ini kerana ia dirumuskan menerusi perbincangan mendalam dengan lebih 200 kumpulan dan individu mewakili pelbagai industri. Sudah tentulah, segala rumusan dibuat dengan mengambil kira setiap perkembangan ekonomi sejak setahun lalu. Dalam tempoh berkenaan, banyak pengajaran yang diperolehi dalam menguruskan ekonomi masa depan yang lebih cekap. Kita boleh merumuskan bahawa enam teras yang diterima itu adalah pendekatan yang dihasilkan menerusi pengalaman pahit.

Kita yakin enam teras disusuli Agenda Tindakan itu, memberi harapan berterusan kepada rakyat bahawa kerajaan tidak pernah mengaku kalah dalam menangani kegawatan ekonomi yang kini sudah sampai ke tahap pertumbuhan negatif satu hingga dua peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Dalam keadaan cemas begini, kita tidak boleh mengharapkan pemulihan semula jadi. Ia mesti dilakukan menerusi perancangan dan program yang tersusun. Jawatankuasa kerja MTEN yang ditubuhkan Januari lalu, mula merungkai ikatan yang tersimpul itu dengan beberapa cadangan konkrit yang diharapkan akan mengubah senario gawat hari ini kepada pemulihan berperingkat-peringkat, jika pun tidak secara drastik.

Kita begitu yakin dengan prinsip dan mekanisme PPEN ini kerana ia meliputi usaha pemulihan kepada seluruh sektor sama ada industri, korporat, perbankan, Suruhanjaya Sekuriti (SC), pasaran saham, masyarakat peniaga, pekerja dan sebagainya. Ia juga memberi penegasan kepada matlamat sosial dan pentadbiran dengan gerakan memerangi rasuah, kawal selia yang lebih ketat, meningkatkan ketelusan dan sebagainya. Oleh itu, kita tidak melihat sebarang kekaburan enam bidang utama PPEN yang menjurus kepada usaha menstabilkan nilai ringgit, mengembalikan keyakinan di pasaran, mengekalkan kestabilan di pasaran kewangan, memperkukuhkan asas-asas ekonomi, meneruskan agenda ekuiti dan sosioekonomi serta memulihkan semula sektor yang terjejas teruk. Jika dalam tempoh setahun lalu negara kehilangan ramai pelabur, rasanya PPEN akan dapat mengembalikan keyakinan mereka mengenai kestabilan ekonomi makro Malaysia.

Atas dasar saling melengkapi terhadap pelan yang dirumuskan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin kerajaan akan menerima pakai semua cadangan MTEN itu, kecuali jika ada bantahan tertentu. Sokongan spontan yang padu juga diberikan oleh ketua eksekutif (CEO) syarikat-syarikat tempatan yang mengadakan dialog dengan Dr Mahathir, semalam.

Mulai sekarang, kita boleh memantau semula arus pergerakan nilai ringgit kerana ia menjadi keutamaan PPEN. MTEN sedar bahawa kedudukan nilai ringgit yang kuat dan stabil mempunyai kaitan dengan usaha mengembalikan keyakinan, mengekalkan kestabilan pasaran saham dan membolehkan ekonomi sebenar pulih.

Kita perlu akui bahawa mekanisme untuk menggerakkan semula ekonomi memerlukan modal, bermakna kerajaan terpaksa meminjam. Kita percaya MTEN sudah pun menghalusi perkara ini. Meskipun terpaksa meminjam dari sumber dalam dan luar negara, kita yakin kerajaan akan memastikan ia akan

digunakan untuk kepentingan nasional, kepentingan strategik dan pertimbangan yang mengambil kira kepentingan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Negara (DPN).

Menyedari rakyat sentiasa menyokong tindakan kerajaan untuk membetulkan segala kepincangan, kita percaya Agenda Tindakan MTEN ini akan menjadi pegangan semua pihak. Jika ia memerlukan tindakan kementerian, bermakna kementerian berkenaan tidak perlu lagi berlengah-lengah untuk melaksanakan sesuatu tindakan. Jika ia membabitkan tindakan rakyat, maka rakyat perlu pula menggembleng tenaga dan usaha bagi memenuhi matlamat yang digariskan. Setiap individu, jabatan, agensi dan kementerian, mempunyai tugas yang harus disumbangkan bagi memenuhi matlamat MTEN dicapai, seterusnya membantu kerajaan memulihkan keadaan. Tanpa bantuan setiap unit dalam sistem kerajaan, kita mungkin tidak dapat merealisasikan matlamat ini. Kerajaan melakukan tindakan ini kerana sedar bahawa langkah untuk memulihkan ekonomi adalah tuntutan rakyat. Selagi ekonomi tidak dapat dipulihkan, selagi itulah rakyat tidak dapat hidup seperti sebelum keadaan setahun yang lalu. Oleh itu, setiap kita perlu memberi sumbangan maksimum kepada usaha pemulihan ekonomi.

(END)